

## **UCAPTAMA TAHUNAN NAIB CANSOLOR 2007**

“MODAL INSAN TERAS DAYA SAING KITA”

Bismillahir-Rahmanir-Rahim

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Timbalan-timbalan Naib Canselor,

Pegawai-pegawai Utama Universiti,

Dekan-dekan,

Ketua-ketua Jabatan,

Para Pensyarah, Staf dan Mahasiswa UniMAP yang dihormati dan dikasihi  
sekalian.

### **MUKADIMAH**

Izini saya memulakan ucaptama ini dengan mengajak diri kita, dengan sesuci-suci hati dan sebersih-bersih jiwa, memanjatkan kesyukuran kehadiran Allah s.w.t yang terus-terusan membentangkan kasih-Nya, dan dalam setiap detik menghamparkan sayang-Nya kepada kita semua tanpa henti. Sewajarnya kita secara berterusan juga sentiasa insaf, bersyukur dan tunduk kepada Allah kerana menganugerahi kita kekuatan potensi jiwa yang berupaya menyempurnakan pertimbangan akal, menyeimbangkan tingkah emosi dan menyuntik kudrat fizikal untuk memungkinkan kita terus mengabdikan diri di bumi-Nya dengan penuh kesabaran dan ketakwaan. Semoga dengan apa jua kelebihan yang Allah kurniakan kepada kita dan kekurangan yang kita miliki, la akan terus menggolongkan kita ke dalam golongan hamba-Nya yang dikasihi Rasulullah (s.a.w).

Selawat dan salam untuk junjungan besar kita Nabi Muhammad (s.a.w), anggota keluarga, para sahabat dan seluruh umat baginda. Hanya dengan bimbingan dan panduan hadis dan sunnah Rasulullah (s.a.w) kita dapat mensucikan yang kotor, menjernihkan yang keruh dan membetulkan yang salah.

Seperti tahun-tahun sebelum ini, dalam ucpatama yang kini kita namai Ucpatama Tahunan Naib Canselor Universiti Malaysia Perlis, suka saya mengingatkan bahawa saya, mewakili pihak pengurusan UniMAP, berhasrat menyalurkan hasrat dan cita-cita, pandangan dan teguran kepada diri saya dan seluruh warganegara UniMAP, staf yang saya hormati dan mahasiswa yang saya kasihi. Melalui medan inilah saya meletakkan harapan agar setiap kata dan bicara dapat dijadikan asas untuk kita bermuhasabah; tunduk merenung dan mengkritik diri, beriltizam membetulkan setiap gerak yang silap dan salah, mensyukuri setiap langkah kejayaan, dan positif memandang setiap detik yang bakal dilalui pada masa hadapan. Menggunung harapan saya agar saudara-saudara dapat menjadikan ucpatama ini sebagai ritual yang bermakna. Ritual yang berusaha memberikan gambaran tentang tuntutan semasa, hala tuju tercita, dan matlamat bersama. Melaut impian saya agar ritual ini dapat dijadikan landasan untuk kita merobah kebiasaan minda selesa, tingkah bicara biasa, dan tindakan-tindakan yang tenggelam punca. Marilah kita memanfaatkan masa yang dikurniakan Allah ini untuk memperbaharui tekad, semangat, dan sikap agar dapat memenuhi tuntutan agama, bangsa dan negara seluruhnya. Saya berdoa agar Allah membuka pintu hati kita seluas-luasnya dan menguak jendela minda kita selebar-lebarnya supaya akhirnya kita berupaya meraut dan mengukir wajah Universiti ini mengikut cara dan gaya yang kita sepakati bersama.

Saudara-saudara, pada hari ini saya mahu membicarakan beberapa konsep yang pada fikiran saya amat penting iaitu 'modal insan', 'kamil' dan 'daya saing'. Konsep-konsep ini maha penting bagi kita fahami lantaran kita telah sepakat mengangkatnya sebagai sebahagian daripada konsep yang kita terapkan dalam visi dan misi UniMAP. Bagaimana mungkin kita dapat melaksana tanggungjawab seperti yang terkandung dalam misi Universiti, dan bagaimana mungkin kita menghala ke arah tuju yang sama seperti yang tertera dalam visi UniMAP jika kita tidak mempunyai kesatuan pemahaman dan pemikiran tentang makna konsep-konsep besar itu? Sebelum kita menghasilkan penulisan-penulisan yang lebih tuntas untuk mengupas konsep-konsep ini, saya berpendapat ada baiknya pada hari yang bahagia ini saya membuka padang minda kita untuk membicarakannya. Selepas ini saya berharap agar lebih

banyak perbincangan diadakan untuk membedah konsep-konsep ini dan akhirnya, apabila wujud kesatuan pemahaman dan pemikiran tentangnya, barulah kita akan dapat menyusun langkah dan tindakan yang sesuai untuk mengisi dan merealisasikan makna yang terkandung di dalamnya. Bagi saya, kesatuan pemahaman sewajarnya dapat mewujudkan kesatuan pemikiran, dan yang paling penting antaranya ialah terlahir kesatuan tindakan dalam usaha kita menjadikan UniMAP universiti yang berdaya saing dan tersohor di persada antarabangsa. Inilah semangat baru kita apabila diberi nama UniMAP. Apabila menjadi UniMAP, kita perlu merobah wajah lama kita supaya menjadi lebih meriah, dan terhebah sebagai institusi pengajian tinggi yang disegani kerana nilai-nilai amalannya yang berisi lagi murni.

Warga UniMAP sekalian.

Pada 31 Januari 2007 yang lalu, genap 1,809 hari saya diberi tanggungjawab sebagai Rektor KUKUM; kurang 16 hari lima tahun. Dan, hari ini merupakan hari yang ke-22 saya bertanggungjawab sebagai Naib Canselor UniMAP. Selama 1,831 hari bersama-sama dengan saudara-saudara “membangunkan universiti,” “mengemudi tenaga dan upaya,” dan segigih mungkin “menghayati kecemerlangan, membudayakan kualiti,” saya merasai bahawa jangka masa itu, atau lebih tepat selama 43,944 jam yang telah kita lalui, adalah singkat. Memang telah banyak usaha yang kita lakukan bersama, tetapi dalam masa yang sama saya sedari bahawa masih banyak yang belum kita garap untuk menjadikan universiti ini sebagai institusi pendidikan yang benar-benar dapat melonjakkan nama negara di persada antarabangsa.

Ambang 2007 yang kita lalui bersama banyak bedanya dengan senario sepuluh tahun dahulu. Pada 6 Februari 2007, sehari sebelum kita mengadakan Majlis Pelancaran UniMAP, dada akhbar tersenyum mencatat beberapa perkembangan positif ekonomi negara. Statistik menunjukkan bahawa:

- Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara meningkat dari RM182.2 bilion (tahun 1998) ke (dianggarkan) RM277.2 bilion (2005); meningkat sebanyak RM95 bilion. Secara purata, pertumbuhan

ekonomi Malaysia dari tahun 1991 hingga 2005 ialah sebanyak 6.2% setahun.

- Rezab antarabangsa negara meningkat 128.46% iaitu sebanyak USD39.63 bilion; dari USD30.85 bilion (1999) ke USD70.48 bilion (2005).
- Pendapatan per kapita negara meningkat dari RM12,079 (1998) ke RM18,039 (2005); peningkatan sebanyak 49.34% iaitu sebanyak RM5,960.
- Indeks Komposit melonjak dari 262.7 mata (pada 9 Januari 1998) ke 1,225.73 mata (pada 5 Februari 2007); lonjakan sebanyak 963.03 mata atau 366.58%, dengan modal pasaran Bursa Malaysia yang meningkat sebanyak RM288.5 bilion (77.03%), dari RM374.5 bilion ke RM663 bilion.
- Manakala projek pembinaan syarikat Malaysia di negara luar (yang diusahakan oleh 81 kontraktor di 36 buah negara) pada tahun 2006 bernilai RM13.5 bilion; meningkat hampir 16 kali ganda berbanding dengan catatan tahun 1998 iaitu RM863.93 juta.

Data yang disebut tadi jelas menggambarkan pencapaian ekonomi negara masa kini. Saya pasti saudara-saudara berasa bahagia mendengar pencapaian negara dalam beberapa penunjuk ekonomi yang amat memberangsangkan. Tetapi, apakah makna dan kaitannya dengan tanggungjawab UniMAP sebagai institusi pendidikan? Kesimpulan yang dapat saya kongsi dengan saudara-saudara ialah aliran ekonomi negara kita sedang meningkat atau berkembang secara positif. Jadi, wajarlah 95 orang (88.8%) daripada 107 orang siswazah ijazah sarjana muda sulung kita mendapat pekerjaan dalam industri pembuatan (yang menyumbangkan sebanyak 31.4% kepada KDNK dalam tahun 2005, atau purata kadar pertumbuhan tahunannya sebanyak 4.1% dalam Rancangan Malaysia ke-8; dan sektor elektronik sahaja menyumbangkan sebanyak 28% pendapatan kepada industri pembuatan mengikut KDNK tahun yang sama) dan industri perkhidmatan (yang menyumbangkan sebanyak 58.1% kepada KDNK

dalam tahun 2005, atau purata kadar pertumbuhan tahunannya sebanyak 6.1% dalam Rancangan Malaysia ke-8).

Tetapi, bagaimana jika aliran ekonomi berkembang secara negatif atau ekonomi negara merudum seperti yang pernah kita alami, khususnya dalam tahun 1998 sebagai akibat krisis matawang Asia, dan dalam tahun 2001 sebagai tempisan bahana Peristiwa 911 dan peperangan di Afghanistan dan Iraq? Dalam tahun 1998 terdapat beberapa banyak syarikat dalam industri pembinaan, pembuatan dan perkhidmatan gulung tikar, mengecilkan saiz operasi dan syarikat, atau memindahkan operasi ke negara-negara yang dapat menawarkan kos tenaga buruh dan profesional seperti jurutera yang secara relatif lebih murah. Kita perlu mengambil iktibar daripada peristiwa-peristiwa lampau. Kita perlu belajar daripada sejarah. Hari atau tahun ini, dan mungkin juga esok atau tahun hadapan giliran negara Iran pula menerima nasib yang sama seperti yang dialami Iraq dan Afghanistan. Esok kita tidak tahu pencakar langit mana pula akan diruntuhkan, atau serangan penyakit apa pula yang bakal melanda! Kita tidak mahu mala petaka ini berlaku. Tetapi jika semua ini berlaku, ke manakah jurutera yang bakal kita lahirkan pada tahun ini dan tahun depan hendak bekerja? Jika hendak berniaga sendiri, apakah jenis perniagaan yang mampu dijalankan oleh mereka? Pada saya, inilah antara lain, kaitan perkembangan dunia dengan tanggjawab yang kita laksana.

Dengan mengambil kira senario yang paling teruk yang mungkin akan berlaku pada masa akan datang, apakah rupa bentuk pemikiran, paradigma atau keputusan yang wajar kita ambil atau gunakan pada hari ini? Hari ini kerajaan mengukur kejayaan atau pencapaian kita, antara lain dengan melihat kebolehpasaran siswazah yang kita lahirkan. Tetapi masih relevan lagikah penunjuk kebolehpasaran semata-mata digunakan untuk menunjukkan pencapaian kita? Jika ekonomi merudum, syarikat mana yang hendak mengambil siswazah kita bekerja, sedangkan dalam masa yang sama mereka berhadapan dengan kemelut barangan yang dikeluarkan tiada yang mahu membelinya dan akhirnya terpaksa bergelut pula dengan *non-performing loan* (NPL)? Apakah pula yang akan terjadi pada siswazah kita yang bekerja, tetapi diberhentikan kerana kegawatan ekonomi?

Saudara-saudara, saya bukan orang yang pesimistik, tetapi untuk bersikap optimis kita dituntut supaya menimbangkan risiko dan membuat keputusan setelah mengambil kira *calculated risk*, mengambil kira semua faktor dalaman dan luaran, mencerakin kekuatan dan kelemahan, belajar daripada sejarah dan dalam masa yang sama berupaya menjangkakan kemungkinan yang bakal berlaku pada masa akan datang, berfikir di luar paradigma semasa, berfikir gila-gila atau gunakanlah apa jua cara dan teknik berfikir yang invensional sifatnya. Dengan menjadikan panduan-panduan ini sebagai asas, kita sewajarnya tidak lagi melihat peratusan kebolehpasaran siswazah kita yang tinggi sebagai mencukupi dan memuaskan hati. Kita perlu berfikir beberapa langkah jauh di hadapan.

Saya mencadangkan agar kita mula memikirkan cara dan kaedah untuk melahirkan siswazah yang *job sustainability* atau daya kelestarian pekerjaan mereka tinggi. Maksudnya, dalam keadaan ekonomi yang bagaimana pun, sama ada *booming*, *fluctuating* atau meruncing, siswazah kita yang baru bergraduat akan diambil bekerja oleh syarikat atau industri kerana mereka tahu pengetahuan dan keupayaan siswazah kita dapat membantu mereka memulihkan imbalan akaun syarikat. Dan, dalam masa yang sama syarikat-syarikat tidak terfikir pun untuk memberhentikan siswazah kita yang diambil bekerja kerana mereka tahu jika mereka berbuat demikian nescaya syarikat itu akan mengalami kerugian yang lebih meruncing. Ringkasnya, kita perlu memerah otak untuk mencari cara dan kaedah untuk melahirkan jurutera yang *indispensable* atau kalis kegawatan ekonomi. Inilah yang saya maksudkan dengan berfikir secara gila-gila. Berfikir di luar kebiasaan. Memikirkan jalan keluar bagi sesuatu persoalan secara bukan konvensional. Berfikir ke hadapan dan antisipatif yakni menjangkakan sesuatu yang mungkin berlaku dengan menjadikan sejarah sebagai panduan dan perkembangan semasa sebagai amaran untuk tidak bersenang-senang dan terleka.

Jika benar sudah kita temui jawapan bagi persoalan ini, fikirkan pula cara untuk melahirkan lebih banyak siswazah teknousahawan yang berdaya tahan dan berdaya saing. Jika ini dapat dilakukan, Alumni kita, insya-Allah akan menjadi lebih perkasa dan tabung *endowment* kita juga barangkali akan menjadi

model bagi universiti lain seperti kita menjadikan Harvard Universiti sebagai idola semasa kita. Jika kita mahu bersaing dalam aspek ini, saya mencadangkan agar kita segera mengkaji semula kurikulum kita. Telitilah sama ada aspek keusahawanan ini mendapat perhatian sewajarnya dalam *programme educational objectives* (PEO) universiti kita. Jika ada dan dilaksana secara berstruktur dan serius oleh semua pensyarah yang terlibat, alhamdulillah, kerana kita berada di atas landasan yang betul dalam konteks melahirkan teknousahawan yang menjadi satu daripada gesaan kerajaan kepada institusi pendidikan. Sebagai langkah proaktif yang pertama peringkat universiti, kita akan menubuhkan Unit Enterpris Kecil Sederhana (SME) untuk menggerakkan dan menjana aktiviti-aktiviti keusahawanan supaya kita dapat menyebarkan perkhidmatan kepada masyarakat dan dalam masa yang sama berupaya menjana pendapatan Universiti yang sudah menjadi satu daripada tanggungjawab kita.

Saudara-saudara para pendidik dan pentadbir yang dikasihi Allah sekalian.

Dalam konteks 'berdaya saing' ini saya berasa UniMAP terhutang budi dengan Prof. Ali Yeon, Prof. Madya Zul Azhar dan beberapa orang rakan lain yang mencadangkan penggunaan frasa "daya saing" dalam misi dan visi UniMAP iaitu "melahirkan modal insan kamil yang menyumbang kepada pembangunan dan daya saing industri negara," dan "institusi akademik dan penyelidikan yang berdaya saing di persada antarabangsa." Frasa "daya saing" atau dalam bahasa Inggeris *competitive* ini mempunyai signifikansinya yang tersendiri. Setelah difikirkan berulang-ulang kali tentang makna frasa ini, saya menyimpulkan bahawa frasa ini menuntut kita memikirkan apa jua yang kita lakukan dan yang cuba kita lahirkan dalam beberapa fasa, sama ada secara serentak atau secara langkah demi langkah untuk memenuhi tuntutan maknanya. Pertama, dalam hal-hal yang tertentu, jika kita terkebelakang daripada pencapaian orang lain, maka kita mesti mengejar pencapaian orang itu sehingga pencapaian kita menyamai pencapaiannya. Kedua, jika kita sudah mencapai suatu tahap pencapaian yang menyamai pencapaian orang lain, kita tidak akan berpuas hati dengan

pencapaian itu selagi kita tidak mencecah tahap pencapaian tertinggi yang diiktiraf oleh kawan dan lawan. Dan, ketiga, apabila kita telah mencapai tahap tertinggi itu, untuk terus kekal bersaing, kita sewajarnya terus berusaha memperbaiki pencapaian itu sehingga tiada sesiapa pun yang mampu menyaingi atau menandingi pencapaian kita. Malah, keempat, jika pun kita tahu orang lain tidak mampu mengejar pencapaian tinggi yang kita usahakan, kita akan terus berfikir secara berterusan tanpa henti untuk menciptakan suatu penanda aras baru sehingga tiada seorang pesaing pun yang sanggup menggunakan frasa “mahu menyaingi” terhadap kita. Saya berpendapat bahawa hanya dengan cara ini kita dapat terus relevan sebagai entiti yang berdaya saing seperti yang terkandung dalam misi dan visi yang kita ciptakan bersama.

Bagi UniMAP, soal mahu atau tidak mahu bersaing, atau wajar atau tidak wajar bersaing bukan isu lagi. Frasa “berdaya saing” sudah pun menjadi sebahagian daripada nilai organisasi kita. Mahu atau tidak mahu, Kementerian Pengajian Tinggi tetap akan mengkategorikan pencapaian semua universiti sama ada dalam kategori ‘cemerlang’, ‘baik’ atau ‘memuaskan’ sahaja. Saya yakin bahawa kata ‘cemerlang’ itu akhirnya akan dikaitkan dengan frasa ‘berdaya saing.’ Dan sebaliknya jika pencapaian kita dikatakan ‘memuaskan’ sahaja, maknanya kita mungkin dikaitkan dengan konsep ‘tidak berdaya saing.’ Terimalah hakikat ini dengan pintu hati yang terbuka. Isu lokasi geografi atau saiz mahasiswa dan staf kita yang masih kecil tidak timbul kerana kekecilan tidak bermakna kita tiada upaya untuk menandingi orang lain. Hong Kong yang dijajah lebih lama daripada kita ialah negara kecil yang mempunyai daya saing yang tinggi. Kadar produktiviti relatifnya (5.3 pada tahun 2005) dan kadar pertumbuhan produktiviti (5.0% pada tahun 2005) berbanding dengan China yang kadar produktiviti relatifnya (0.2 pada tahun yang sama), tetapi kadar pertumbuhan produktiviti tinggi (7.1% pada tahun yang sama). Negara jiran kita yang lebih kecil daripada Negeri Melaka, hakikat ekonominya lebih maju daripada negara kita. Kadar produktiviti relatif Singapura pada tahun 2005 ialah 4.7, sementara kadar produktiviti kita pula hanya 1.0 pada tahun yang sama. Namun, daripada segi pertumbuhan produktiviti, Malaysia (3.0%) mengalahkan Singapura (1.9%), Taiwan (2.7%), dan Republik Korea (2.6%). Sementara kadar



pertumbuhan produktiviti negara kita (17.2%) dalam industri pembuatan pada tahun 2004 menewaskan kadar pertumbuhan produktiviti beberapa buah negara dalam industri pembuatan, misalnya Republik Korea (12.1%), Jepun (6.9%), Taiwan (4.7%), dan Australia (-0.6%). Hakikatnya, untuk berdaya saing daripada sudut ekonomi, saiz penduduk dan geografi sesebuah negara bukan penentu, tetapi saiz ekonomi yang kuat bergantung pada produktiviti rakyat negara itu yang menjadi penunjuknya. Inilah pengajaran yang perlu kita hayati setelah membaca sejarah tentera Rasulullah sebanyak 313 orang yang mengalahkan tentera musyrikin Makkah yang berjumlah 1,000 orang dalam Peperangan Badar.

Persoalan yang lebih penting kita fikirkan sekarang ialah bagaimanakah kita wajar bersaing? Seperti yang ditegaskan oleh Prof. Ali Yeon dalam Bengkel Perancangan Strategik kita baru-baru ini, bagaimana kita wajar bersaing dengan universiti-universiti setempat yang melahirkan siswazah kejuruteraan dan kemahiran teknikal? Institusi Pengajian Tinggi Awam mengeluarkan 8,228 orang siswazah dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta pula melatih 1,945 orang siswazah dalam tahun 2005. Pada persepsi saya, angka-angka ini tidaklah menggerunkan sangat kerana 88.8% siswazah yang kita lahirkan dalam tahun 2006 telah bekerja. Tetapi, pada tahun ini, kita bakal melahirkan 644 orang siswazah. Daripada jumlah ini, berapakah kadar kebolehpasarannya? Yakinkah kita dapat mengekalkan rekod pencapaian kebolehpasaran siswazah tahun lalu? Daripada jumlah itu, didapati 19.89% daripada mereka berpencapaian PGNK semasa di bawah 2.50. Adakah mereka ini berdaya saing dalam pasaran kerja apabila bergraduat kelak? Jika tidak, maknanya akan terdapat sebanyak 128 orang dalam kalangan siswazah kita bakal sukar mendapat pekerjaan. Jika inilah hakikat sebenarnya, apakah inisiatif-inisiatif baru yang telah kita fikirkan dan laksana untuk meningkatkan daya saing mahasiswa dan universiti kita daripada segi kebolehpasaran ini?

Daripada sudut inilah saya berpendapat bahawa kita sewajarnya berfikir dan bertindak secara proaktif. Dalam keadaan seumpama ini sewajarnya kita tidak menunggu luka sudah bernanah, atau nasi sudah menjadi bubur baru kita hendak mencari jalan penyelesaian. Saya pasti inilah sebabnya Prof. Ali Yeon

memaparkan statistik ini dalam bengkel tempoh hari. Data ini bukan untuk kita telan dan hafaz, tetapi untuk kita jadikan landasan untuk mengambil langkah-langkah selanjutnya untuk mengekalkan daya saing kita. Saudara-saudara, bangunlah jika sedikit terlena. Data tadi hanya satu daripada beberapa banyak data yang digunakan untuk menunjukkan sama ada kita berdaya saing atau sebaliknya. Prof. Madya Zul Azhar dalam bengkel yang sama telah menunjukkan beberapa banyak data pencapaian kita pada tahun lalu. Saya berasa amat gembira apabila Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) kita menilai bahawa kita cemerlang dalam aspek pemerolehan geran dan penyeliaan penuntut pascasiswazah; baik dalam aspek penerbitan, dan motivasi dan insentif; serta tidak memuaskan dalam aspek konsultasi dan pengujian. Dengan mencampurkan skor bagi kesemua penunjuk-penunjuk utama daya saing kita itu, cemerlangkah kita? Jika tidak berdaya saing jawabannya, apakah yang perlu dilakukan? Tepuk dada, tanyalah diri apa lagi yang belum kita ada, periksalah diri apa lagi yang belum diadakan, dan nilailah diri apakah yang belum dilakukan.

Bangunlah saudara-saudara kerana kita telah bersetuju untuk berdaya saing. Kita mesti cemerlang dalam semua aspek proses dalaman yang kita tawarkan kepada pemegang taruh kita. Jika kita sedih dan bersedih kerana tidak cemerlang dalam peperiksaan semasa kita di sekolah rendah hingga ke peringkat ijazah pertama, Master atau Ph.D, saya memohon agar saudara turut berperasaan yang sama atau mungkin berperasaan yang lebih parah daripada itu jika UniMAP yang menjadi tempat kita mencari rezeki ini tidak cemerlang. Sanggupkah saudara-saudara mengaku di hadapan orang banyak bahawa saudara-saudara bekerja di institusi ilmu yang dikategorikan sebagai memuaskan sahaja atau tidak cemerlang? Sekali lagi, bangunlah dan bertindak sebelum nanah beracun mengakar dalam sistem kita. Bangunlah sebelum luka bernanah menjadi barah yang tiada penawarnya.

Statistik yang diberikan tadi rasanya belum cukup serius untuk menyedarkan kita semua. Peringatan Prof. Ali Yeon dalam bengkel itu sewajarnya benar-benar menginsafkan kebanyakan kita. Negara China dikatakan mengeluarkan siswazah kejuruteraan sebanyak 600,000 orang pada tahun lalu. Di samping itu, negara itu bakal mengeluarkan sekitar 30,000 orang

pemegang ijazah Master Kejuruteraan Sofwer setiap tahun dalam beberapa tahun lagi. India pula mengeluarkan 464,743 jurutera dalam pelbagai subbidang antara tahun 2004-2005, dan 31% daripada mereka ialah jurutera komputer. Jurutera yang bergraduat setiap tahun dari universiti-universiti Amerika Syarikat pula 70,000 orang jumlahnya. Apakah respons kita? Apakah idea-idea baru yang telah kita hasilkan dan bincangkan untuk bersaing dengan angka-angka dan keupayaan-keupayaan seumpama ini? Apakah jalan-jalan penyelesaian baru, terkini dan gila-gila yang telah dan bakal kita laksana?

Wahai para juruteknik, jurutera pengajar, pentadbir, pensyarah, profesor madya, profesor dan saya sebagai Naib Canselor apakah tindakan proaktif yang telah kita lakukan untuk menyaingi jurutera dari Amerika Syarikat, Negara China dan India yang lambat-laun akan menghimpit pintu rezeki siswazah dan ekonomi negara kita? Adakah sekali lagi kita hanya mahu menjadi pendengar dan penghafaz data sahaja? Yang saya mahu saudara-saudara hadamkan pada masa ini ialah persoalan daya saing ini bukan sekadar isu kebolehpasaran siswazah kita semata-mata, tetapi akhirnya fahamilah bahawa isu ini berkaitan pula dengan survival ekonomi dan politik negara dan impak akhirnya akan kembali kena pada batang hidung kita juga. Fahamilah bahawa persoalan berdaya saing yang kita bincangkan ini bukan urusan UniMAP semata-mata. Persoalan ini ialah persoalan nasional, persoalan jatuh bangun anak bangsa dan negara dalam jangka masa panjang.

Saudara-saudara yang dikasihi.

Setakat ini kita melihat daya saing dalam konteks negara, UniMAP dan siswazahnya. Tetapi bagaimana pula dengan daya saing kita sebagai pekerja? Bagaimana UniMAP dapat berdaya saing jika tenaga-tenaga yang menggerakkan jenteranya tidak hidup bernafaskan istilah berdaya saing? Apakah makna berdaya saing bagi kita sebagai pekerja sektor kerajaan? Dalam tafsiran saya, pekerja yang berdaya saing itu ialah pekerja yang mempunyai sikap (cara berfikir, merasa dan bertindak) yang positif daripada kacamata manusia dan Allah. Mereka ialah insan yang proaktif; kreatif; inovatif; mempunyai

pengetahuan yang multidisiplin; suka mengambil tahu dan mempelajari kerja yang belum pernah dilaksananya; suka menambahkan ilmu dan kemahiran sama ada secara formal atau tidak formal; berorientasikan pencapaian; menghasilkan kerja yang berkualiti iaitu yang menepati kehendak pelanggan atau dinamai juga sebagai efektif; cekap atau efisien menghasilkan kerja atau menghasilkan kerja dalam jangka masa yang ditetapkan; berupaya menghasilkan kerja yang banyak dengan kos yang rendah tanpa mengorbankan kualiti produk atau perkhidmatan; hasil kerja yang memuaskan hati pelanggan; tidak membazir; komited daripada segi penghasilan idea, tenaga dan usaha; berupaya berkorban masa dan wang ringgit demi melaksana tugas yang diberikan; berakhlak mulia dan mematuhi etika organisasi dan kerja. Inilah barangkali sebahagian daripada sifat dan tret yang menjadi pakaian sikap pekerja yang berdaya saing.

Inilah gambaran fikiran saya tentang pekerja yang berdaya saing. Inilah model staf UniMAP yang saya idami. Staf yang mempunyai ciri-ciri inilah yang kita namai staf cemerlang meskipun ia tidak pernah dianugerahi anugerah cemerlang. Saya faham bahawa setiap istilah ini mempunyai makna yang khusus yang perlu dikongsi, tetapi jika kita merasai bahawa kita mahu faham konsep berdaya saing dengan lebih bermakna, kita perlu melakukan sesuatu yang positif sehingga kita dapat merasai bahawa kita berdaya saing dan dalam masa yang sama rakan sekerja dan ketua juga mengiktiraf bahawa kita berdaya saing.

Saudara-saudara, inilah juga *content* atau kandungan yang ada dalam diri yang disebut-sebut sebagai modal insan. Theodore Schultz, ekonomis yang menciptakan istilah ini dalam tahun 1960-an, pada asalnya bertujuan memberikan gambaran tentang nilai keupayaan manusia. Beliau percaya bahawa insan seperti modal-modal yang lain (tanah, wang dan sebagainya) sewajarnya dilaburkan supaya dapat memberikan manfaat daripada segi penambahbaikan kualiti dan tahap pengeluaran yang akhirnya dijangkakan dapat menjana keuntungan atau kebaikan. Modal insan pada saya bermaksud sifat-sifat yang dimiliki pekerja yang ditimba melalui pendidikan, latihan lanjutan, pengalaman sehingga wujud suatu keupayaan kolektif seseorang pekerja yang mempunyai nilai ekonomi kepada majikan dan kepada ekonomi secara

keseluruhannya. Misalnya, dengan wujudnya elemen-elemen positif yang dikategorikan sebagai berdaya saing seperti yang saya jelaskan tadi, seseorang kerani, jurutera, pensyarah, mahasiswa atau sesiapa jua yang dinamai pekerja atau pemberi perkhidmatan mampu dan bersedia melaksana apa jua tugas yang sewajarnya yang diamanahkan kepadanya tanpa banyak kerenah atau ragam. Pekerja seumpama ini akhirnya dapat membantu organisasi atau syarikat mengurangkan kos operasi; dan sebagai tanda penghargaan, organisasi atau syarikat bersedia memberikan imbuhan dan penghargaan yang sewajarnya kepada mereka.

Inilah maksud modal insan yang sewajarnya kita kongsi bersama apabila kita mencuba memberikan erti kepada konsep "modal insan" yang terkandung dalam misi UniMAP. Kita boleh berbeza pendapat tentang makna terperinci konsep ini, tetapi saya yakin inilah makna umum modal insan. Saya berharap agar seluruh warga UniMAP berkongsi makna tentang definisi umum modal insan, dan insan yang berdaya saing; dan yang paling didambakan oleh UniMAP ialah konsep ini diterjemah menjadi sikap yang terjelma dalam tutur bicara dan tingkah laku sama ada ketika sendirian, berdua, dalam kumpulan kecil, dalam kumpulan besar, dalam organisasi atau dalam masyarakat tanpa mengira waktu dan urusan. Insya-Allah, jika konsep ini menjadi pakaian sehari-hari semua warga UniMAP, kita akan menjadikan UniMAP berdaya saing tanpa mengira di persada mana pun UniMAP itu perlu berada.

Selain daripada dua konsep teras yang cuba saya kupas tadi, satu lagi istilah yang amat menggembirakan saya kerana wujud dalam misi UniMAP ialah istilah "kamil." Kata 'kamil' berasal daripada bahasa Arab yang berasal daripada akar kata "kamal". Kamal membawa maksud sempurna. Sementara kamil membawa maksud telah sempurna. Jadi, insan kamil menurut Islam ialah insan yang sempurna daripada segi keimanan (bersih akidahnya; tidak syirik sebagai manifestasi hubungan suci manusia dengan Allah) dan ketakwaannya (kepatuhan insan pada syariat Allah) dan dengan suluh keimanan dan ketertiban ketakwaan itulah lahir amal salih (tingkah laku yang mulia yang terjelma dalam interaksi dan hubungan insan dengan insan yang lain). Begini, antara lain,

Seyyed Hossein Nasr menulis tentang “insan kamil” di dalam bukunya Muhammad: Insan Kamil:

“...Nabi Muhammad (s.a.w.) bersifat dengan sifat keikhlasan dalam erti kata yang sebenar. Tidak ada perlakuan atau tutur katanya melainkan dengan ikhlas sepenuhnya...daripada sifat ikhlas dan benar ini Nabi mampu meletakkan sesuatu itu pada tempat yang sewajarnya, berkemampuan mengurus akal fikiran dan sentiasa objektif dalam menimbang sesuatu perkara, pendapat atau mengadili seseorang...menghindar sikap subjektif dan gangguan-gangguan kepentingan diri sendiri dalam pertimbangan dan pengadilan...boleh menilai hakikat kebenaran dan menerima kebenaran tanpa merubah isi, makna dan keaslian hakikat tersebut dan tidak tertakluk kepada fenomena alamiah dalam menerima sesuatu yang bersifat ilahiah...dihiasi pula dengan sifat murah hati, merendah diri dan benar, berhemah tinggi dan sederhana, juga diharumi dengan sifat mengasihi dan menyayangi dan sentiasa mengalirkan kegembiraan dalam perhubungan...ia tidak mudah marah tanpa sebab, tenang dan terkawal, sabar dan bersikap baik terhadap orang lain...ia sentiasa dalam kesenangan hati, gembira dan bahagia dan tidak terbabas sikap laku...sentiasa tersenyum dan cahaya bahagia sentiasa terpancar daripada wajahnya...terkandung dalam jiwa Baginda sifat kesungguhan dan lemah lembut, tegas...rela menerima segala macam keperitan dengan senang hati, kasih sayang dan sentiasa memberi....”

Inilah, antara lain, sifat-sifat asasi yang sewajarnya dihayati dan dijadikan ikutan oleh sama ada ibu/bapa, ketua/pengikut, majikan/pekerja, pensyarah/mahasiswa, pemimpin/rakyat, malah oleh seluruh umat manusia. Konsep sempurna pada insan bukan sekadar bermakna menggunakan segala potensi atau bakat keinsanan (jiwa, emosi, rohani, intelek dan sosial) yang dikurniakan Allah, tetapi menggunakan potensi-potensi itu berlandaskan tuntutan dan peraturan atau order yang ditetapkan-Nya. Jika konsep ini dikaitkan dengan konsep insan seimbang bukan bermakna insan yang menyeimbangkan jasmani yang sihat dengan yang sakit, emosi yang tenang dengan yang rakus, rohani yang bersih dengan yang cemar, intelek yang objektif dengan yang subjektif, bersosial yang berakhlak dengan yang bejat. Tetapi seimbang dalam konteks menggunakan keseluruhan potensi keinsanannya secara adil, bijaksana dan memberikan makna yang positif kepada diri, insan lain, organisasi, masyarakat, negara dan umat seluruhnya. Dengan kata-kata lain, modal insan kamil yang kita

gunakan bermaksud insan yang beramal salih semasa melaksana kerja dan tanggungjawab berteraskan ilmu dan syariat Allah dalam keluarga besar manusia yang mengutamakan suasana yang harmoni demi kebahagiaan hidup di dunia dan kesejahteraan hidup di akhirat seperti yang terkandung dalam konsep al-Falah. Saya yakin bahawa rakan-rakan dan mahasiswa kita yang bukan beragama Islam pun turut menjunjung dan memandangi tinggi nilai-nilai murni sejagat yang terkandung dalam konsep ini. Saya yakin nilai-nilai murni yang terkandung dalam agama-agama lain turut digunakan untuk mewujudkan watak-watak manusia yang mulia atau berkeperibadian unggul seperti yang dicita-citakan oleh Y.A.B. Perdana Menteri seperti yang kita ketengahkan hari ini.

Kesimpulannya, didapati bahawa semua sifat yang terkandung dalam konsep 'daya saing' dan 'modal insan' yang dijelaskan sebelum ini secara kolektifnya perlu diasimilasikan dan disinergikan dengan konsep "kamil" yang dijelaskan. Saya yakin inilah juga hakikat makna konsep pembangunan modal insan holistik seperti yang disebut di dalam Rancangan Malaysia ke-9 yang menggunakan pendekatan Islam Hadhari yang dianjurkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri. Y.A.B. Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi yang menyebut:

"Rakyat adalah aset negara paling berharga. Pembangunan modal insan dan anjakan minda dan pemikiran warga merupakan salah satu cabaran terbesar. Sekiranya kita ingin melangkah ke era ekonomi berpaksikan pengetahuan, jika kita mahu menjadi negara maju dan kekal pada tahap tersebut, pembangunan modal insan harus diutamakan. Dalam konteks dunia global, modal insan bermutu tinggi adalah satu keperluan, bukan lagi satu kemewahan...Pendekatan kepada pembangunan modal insan haruslah secara holistik, menekankan pembangunan ilmu pengetahuan, kemahiran, modal intelektual termasuk ilmu sains, teknologi dan keusahawanan, dan juga pembudayaan sikap progresif serta nilai etika dan moral yang tinggi. Inilah yang dikatakan modal insan berminda kelas pertama...[dan cara untuk melahirkannya adalah dengan menggunakan tiga strategi iaitu] pertama: meningkatkan keupayaan dan penguasaan ilmu pengetahuan; kedua, memperkukuh keupayaan sains, R&D dan inovasi; ketiga, memupuk masyarakat berbudaya dan memiliki kekuatan moral."

Saya akur dengan pendapat bahawa tidak mungkin dunia akan memperoleh seorang lagi insan kamil di dunia ini selain Rasulullah (s.a.w.). Saya

bersetuju. Namun, jika kita sebagai pendidik yang bertanggungjawab terhadap kemuliaan profesion pendidikan, kita wajib melahirkan insan yang kamil sifat dan ciri peribadi anak didik kita. Apa cacatnya sifat kamil itu dijadikan sasaran duniawi dan ukhrawi kita? Sifat dan ciri inilah yang bakal menyangga modal insan negara yang bakal bersaing dengan sesiapa sahaja, dan bakal menjadikan diri dan negara kita berdaya saing di persada antarabangsa.

Para sahabat seperjuangan yang dikasihi.

Saya sedar bahawa dalam ruang yang terbatas ini saya tidak berupaya memberikan penjelasan yang lebih terperinci. Seperti yang saya katakan pada awal ucapan ini, marilah kita teruskan pembacaan dan penimbaan ilmu yang lebih banyak supaya kita dapat mengupas persoalan ini dengan lebih tuntas. Saya yakin kita telah mempunyai sifat dan ciri yang dinyatakan, meskipun barangkali tidak semuanya. Bayangkanlah jika seluruh warga UniMAP bernafaskan konsep kamil, bekerja di atas landasan konsep modal insan, dan bertindak berteraskan konsep daya saing, bagaimanakah wajah UniMAP pada masa depan agaknya? Setelah lima tahun kita di sini, pelbagai idea telah kita sumbangkan, pelbagai usaha telah kita lakukan dan pelbagai inisiatif telah kita kerjakan. Dan hari ini kita di sini untuk melihat sebahagian daripada hasilnya.

### **Akademik**

Antara kejayaan akademik UniMAP (atau KUKUM – pada waktu itu) sepanjang tahun 2006 termasuklah penambahan tiga program kejuruteraan peringkat ijazah sarjana muda yang baru, iaitu Kejuruteraan Bioproses, Kejuruteraan Alam Sekitar, dan Kejuruteraan Elektronik Bioperubatan. Dengan penambahan ini, kini terdapat 15 program ijazah kejuruteraan yang ditawarkan di Universiti ini. Tidak cukup dengan pengajian peringkat ijazah sarjana muda sahaja, UniMAP melebarkan pintu masuknya melalui penawaran enam program diploma kejuruteraan iaitu Kejuruteraan Mikroelektronik, Kejuruteraan Komputer, Kejuruteraan Mekatronik, Kejuruteraan Elektrik, Kejuruteraan Pembuatan, dan



Kejuruteraan Metalurgi. Dengan penawaran pengajian peringkat diploma, warga UniMAP kini ada yang berumur semuda 18 tahun.

Pencapaian akademik yang amat membanggakan kita ialah penganugerahan akreditasi penuh selama lima tahun daripada Majlis Akreditasi Kejuruteraan atau *Engineering Accreditation Council* (EAC) bagi dua program akademik sulung Universiti ini iaitu Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mikroelektronik dan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Komputer bagi kohort 2002 hingga 2006. Ini merupakan pencapaian yang tinggi, memandangkan beberapa buah universiti rakan UniMAP hanya mendapat penganugerahan kurang daripada lima tahun. Ini membuktikan bahawa EAC memandangkan tinggi kualiti akademik kita, dan menganggapnya lebih baik daripada beberapa banyak program kejuruteraan lain yang ditawarkan di Malaysia.

Kerja-kerja mendapatkan pengiktirafan tidak berhenti hanya setakat ini sahaja. Walaupun akreditasi sudah kita peroleh, kita mempunyai lapan program ijazah sarjana muda lagi yang perlu melalui proses audit akreditasi pada bulan April, 2007 ini. Dokumen laporan bagi kelapan-lapan program bagi kohort mulai 2003 itu terdiri daripada program Kejuruteraan Bahan, Kejuruteraan Metalurgi, Kejuruteraan Mekatronik, Kejuruteraan Elektronik, Kejuruteraan Perhubungan, Kejuruteraan Pembuatan, Kejuruteraan Sistem Elektrik, dan Kejuruteraan Elektronik Industri yang telahpun diserahkan kepada Lembaga Jurutera Malaysia beberapa bulan lalu.

Marilah kita fikirkan, apakah agaknya yang menjadi sebab EAC memberikan pengiktirafan penuh selama lima tahun kepada kita, sedangkan beberapa banyak program kejuruteraan di IPT lain hanya diberi pengiktirafan separa? Saya percaya bahawa sistem kualiti pengurusan akademik kita, yang dibina sejak hari pertama Universiti ini beroperasi dalam tahun 2002 dahulu, adalah amat mantap sehingga juruaudit EAC merasakan bahawa kesemua proses akademik di sini adalah terkawal. Selain itu, kita telah menunjukkan kesungguhan yang menakjubkan dalam usaha kita memulakan penggunaan pendekatan OBE (iaitu *outcome-based education*, atau pembelajaran berasaskan hasil) dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. OBE melibatkan penyediaan silibus kursus, penyampaian dalam kuliah, tutorial, latihan amali,

pembelajaran berasaskan masalah atau *problem-based learning* (PBL), dan kajian kes yang dinilai melalui hasil tugas, kerja kursus, ujian pertengahan semester dan peperiksaan akhir semester. OBE agak mudah dilaksanakan di sini kerana aktiviti akademik kita didasari oleh sistem kualiti yang kukuh. OBE merupakan "*the natural extension of academic good practice*" bagi sistem akademik yang telah sama-sama kita amalkan sekian lama.

Kita kini sedang dalam proses melaksanakan audit akademik dalaman yang komprehensif, yang mengambil kira pelaksanaan OBE. Audit ini akan memeriksa sama ada hubungan antara hasil kursus atau *course outcome* (CO) dapat dikaitkan dengan hasil program atau *programme outcome* (PO), dan juga dihubungkan dengan objektif pendidikan program atau *programme educational objectives* (PEO) UNIMAP. Saya difahamkan bahawa Pusat Pengajian Kejuruteraan Pembuatan sudahpun memulakan audit akademik dalaman, walaupun ia masih dalam peringkat permulaan. Saya berharap proses ini dapat ditambahbaik agar dapat dijadikan contoh ikutan pusat-pusat pengajian yang lain.

Sebagaimana tahun-tahun yang lepas, kualiti akan terus mendasari segala tugas dan sikap kita. Penerapan kualiti secara berstruktur dalam proses-proses kerja di semua peringkat akan terus dipertingkatkan. Instrumen yang diperakukan seluruh dunia bagi tujuan ini, sebagaimana saya pasti saudara-saudara semua sedia maklum, ialah sistem kualiti ISO 9000. Kita telah memulakan kerja-kerja persediaan untuk melaksanakan instrumen tersebut dalam proses-proses akademik. Insya-Allah, berbekalkan kesedaran dan komitmen yang tinggi, serta sumbangan tenaga dan fikiran semua warga Universiti ini, saya yakin kita akan berjaya mencapai taraf MS ISO 9000:2001 tidak lama lagi.

Seperti yang saya nyatakan dalam ucapan tahun lalu, pengalaman untuk mendapatkan pengiktirafan EAC yang telah kita lalui akan memudahkan lagi usaha kita dalam proses mendapatkan tahap ISO 9000 kelak. Insya-Allah, pencapaian tahap ISO 9000 akan meletakkan UniMAP di satu peringkat pengiktirafan global. Namun, yang lebih penting ialah kesedaran, sikap, komitmen dan usaha kita yang bersungguh-sungguh demi melicinkan pengurusan dan pentadbiran secara berterusan dalam pelbagai proses demi

mencapai visi dan misi yang telah kita tetapkan. Kita akan terus mengkuilatkan budaya ini.

Setakat ini, semua program akademik UniMAP harus menepati 18 PO. Sebelas daripada PO yang dimaksudkan ialah PO yang sama yang digunakan oleh IPT lain yang menawarkan program-program kejuruteraan yang diiktiraf. PO-PO ini merupakan keperluan yang digariskan oleh Lembaga Jurutera Malaysia. Manakala, tujuh daripada 18 PO UniMAP merupakan PO **tambahan** yang memberikan penekanan pada keperluan pendidikan kejuruteraan iaitu sistem rekabentuk, rekabentuk eksperimen, statistik, matematik lanjutan, fizik berasaskan kalkulus, dan sains & amalan pengurusan.

Sehubungan dengan aspek ini, suka saya maklumkan bahawa nisbah tenaga pengajar-mahasiswa UniMAP kini berjaya melebihi nisbah tenaga pengajar-mahasiswa yang dikehendaki oleh EAC, iaitu 1:15. Nisbah tenaga pengajar-mahasiswa UniMAP yang tepat ialah **1:14.67**. Daripada sekitar 200 orang tenaga pengajar, 42 orang daripadanya (iaitu 21%) berkeilayakan Ph.D. Angka ini ialah suatu jumlah yang tinggi, dan melebihi nisbah yang sama di universiti-univesiti lama yang sudah stabil. Pencapaian ini adalah sihat, memandang kita kini dalam proses menambahkan peratusan pensyarah yang memegang ijazah doktor falsafah sebanyak 45% dalam tahun 2010, sebagaimana yang disasarkan Kerajaan. Untuk terus-menerus memantapkan kualiti pengajaran di Universiti ini, mulai 1 Januari 2007, kita menubuhkan Institut Matematik Kejuruteraan (IMK). Dengan adanya institut ini, pengurusan penawaran subjek Matematik Kejuruteraan, yang menjadi nadi dan intipati bidang kejuruteraan, dapat diperkasakan.

Demi meningkatkan keupayaan mahasiswa dalam subjek-subjek yang dikenalpasti lemah, beberapa tindakan penambahbaikan berterusan telah dan akan dilaksanakan. Sebagai contoh, untuk meningkatkan keupayaan mahasiswa berbahasa Inggeris, UniMAP mengadakan *placement test* dan kelas-kelas *remedial*. Semua pelajar kini diwajibkan juga membuat pembentangan kerja makmal dalam bahasa lingua franca dunia ini. Selain itu, modul-modul pengajaran dan makmal diperkemas secara berterusan dengan memasukkan

elemen-elemen yang dapat membuka ruang untuk pelajar memperbaiki kelemahan diri mereka.

UniMAP kini sedang giat merancang pembangunan pusat-pusat baru yang diijangka dapat menyemarakkan lagi kerja-kerja akademik dan penyelidikan kita. Sebagai contoh, Unit Pembangunan Usahawan, Unit Pembangunan Agroteknologi, Institut Latihan Mikroelektronik, Pusat Pengajian Biosistem Agro, dan Pusat Pengajian Bioperubatan kini sedang dipertimbangkan. Kita sedang meneliti juga kemungkinan menawarkan program pengajian Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Awam yang boleh ditempatkan di bawah penyeliaan Pusat Pengajian Kejuruteraan Bioproses dan Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar. Di peringkat ijazah tinggi, pengajian peringkat Sarjana melalui mod campuran akan dimulakan untuk semua program. Dengan cara ini, diharapkan bilangan penuntut ijazah tinggi kita, yang kini berjumlah lebih daripada 90 orang, dapat dipertingkatkan dengan banyaknya.

Majlis-majlis ilmu akan terus dianjurkan dalam satu selang masa yang kerap. Ini amat penting bagi memastikan budaya cinta akan ilmu sentiasa wujud dalam kalangan kita, warga Universiti tercinta ini. UniMAP bercadang mengadakan Program Syarahan Umum seupaya mungkin dalam sebulan sekali.

### **Pengantarabangsaan**

UniMAP tidak kurang hebat dalam bidang pengantarabangsaan. Pada awal tahun lepas, tiga orang mahasiswa kita telah dihantarkan ke Tampere University of Technology (TUT), Finland, dan dua orang mahasiswa TUT ditempatkan belajar di sini dalam program pertukaran mahasiswa selama empat bulan. Pada tahun ini pula, kita melebarkan sayap pertukaran mahasiswa dengan mempelawa beberapa buah universiti lain untuk turut serta dalam program ini. Selain daripada dua orang lagi pelajar TUT yang baru sampai (sudah kini empat orang pelajar TUT yang ditempatkan di UniMAP), empat orang mahasiswa dari Universitas Trisakti, Jakarta (atau USAKTI) kini turut bersama-sama dengan kita pada hari ini. Enam orang mahasiswa kita pula akan ke USAKTI dalam masa terdekat ini, dan dua orang lagi akan ke Prince of Songkhla University, Thailand. Semua yang terlibat akan menghadiri kuliah dan makmal di institusi rakan

UniMAP selama beberapa bulan. Program ini mendapat sokongan daripada industri dan juga pejabat Menteri Besar Perlis. YAB Menteri Besar telah bermurah hati menyumbangkan RM10,000 untuk menjayakan program ini, manakala Agilent Technologies menyumbangkan USD\$9500. Pada tahun-tahun yang akan datang, program ini akan dilaksanakan dengan rakan-rakan kongsi UNIMAP yang terdiri daripada universiti-universiti lain di rantau Asia, Australia, Eropah, dan mungkin juga di Amerika Syarikat.

### **MoU**

Setakat ini, pada 2006, sekitar 50 memorandum persefahaman (atau MoU) dalam bidang pendidikan dan penyelidikan telah ditandatangani antara UniMAP dengan universiti setempat, universiti luar negara, institusi penyelidikan di dalam dan di luar negara, syarikat, pusat pembangunan kemahiran dan pusat pembangunan sumber manusia. Antaranya termasuklah MoU dengan IDS Sabah, Quantum Matrix, FRIM, SHRDC, dan PSDC. MoU UniMAP dengan SHRDC dan PSDC melibatkan usaha UniMAP dan rakan-rakan industrinya melaksana program *Industrial Skill Enhancement*. Di bawah program ini, puluhan jurutera dari Infineon dan Silterra menjalani latihan *hands-on* di makmal-makmal kita. Ini suatu penunjuk bahawa pihak industri bergantung harap pada kita untuk membekalkan latihan dan pendedahan yang membolehkan jurutera mereka berfungsi dengan lebih berkesan di lantai bengkel industri.

Bilangan MoU ialah satu daripada penunjuk keaktifan kita dalam usaha menerokai peluang akademik dan penyelidikan dengan institusi luar yang dikenalpasti dapat bersama-sama menyumbangkan tenaga, kepakaran, dan sumber-sumber lain yang berguna. Saya amat berpuas hati dengan bilangan MoU yang kita ada dan perkembangan beberapa projek-projek MoU ini. Namun begitu, saya tahu bahawa ada juga MoU yang tidak seaktif yang lain. Jadi, saya ingin mengambil kesempatan ini menggesa semua yang terlibat agar memberikan tumpuan yang lebih sedikit kepada perkara ini agar sesuatu yang berguna dapat diperoleh daripada setiap MoU yang telah kita tandatangani.

## **Penyelidikan & Konsultansi & Inovasi**

Kita semua tahu bahawa penyelidikan memainkan peranan penting dalam usaha menentukan kualiti pengajaran di sesebuah universiti. Dalam konteks ini, UniMAP telah berjaya menggerakkan penyelidikannya dengan amat membanggakan. Lihatlah pencapaian yang telah kita peroleh setakat ini – kita telah dianugerahi 30 geran penyelidikan Kementerian Pengajian Tinggi (iaitu FRGS) bagi kitar pertama berjumlah RM1.08 juta tahun lepas. Ini ditambahkan pula dengan pembiayaan sebagai “seed money” sebanyak RM540,000 yang diagihkan kepada 50 cadangan penyelidikan yang berpotensi dimajukan. Jumlah keseluruhan dana penyelidikan KPT yang kita terima pada tahun 2006 ialah hampir RM2 juta.

Selain skim FRGS, UNIMAP juga berjaya memperoleh geran yang bernilai lebih daripada RM1.4 juta daripada MOSTI bagi lapan lagi projek penyelidikan. Kejayaan ini telah meletakkan UniMAP di tangga ke-10 sebagai institusi yang menerima geran terbanyak dalam kalangan IPT dan institusi penyelidikan tempatan. Tidak cukup dengan dana daripada MOSTI semata-mata, beberapa penyelidik kita juga telah dianugerahi geran luar yang bernilai lebih daripada RM300,000 baru-baru ini. Sebagai ringkasan, untuk tahun 2006 sahaja, sebanyak 82 geran penyelidikan daripada pelbagai sumber yang bernilai lebih daripada RM 4 juta, telah diperolehi staf kita. Syabas, UniMAP!

Perolehan geran-geran ini tentunya akan menyemarakkan lagi aktiviti penyelidikan di UniMAP, yang sebenarnya telah menunjukkan beberapa banyak hasil yang memberangsangkan. Manakan tidak – kita telah memenangi satu emas, enam perak dan sembilan gangsa dalam *17th International Invention, Innovation, Industrial Design and Technology Exhibition* (atau ITEX) pada bulan Mei 2006. Bilangan penyertaan kita adalah antara yang tertinggi dalam kalangan IPT-IPT lain yang turut serta, iaitu 31 penyertaan. Dengan 16 kemenangan ini, bermakna lebih daripada 50% penyertaan kita dianggap cemerlang oleh pihak luar – satu lagi bukti bahawa penyelidik kita yang sering dianggap muda dan kurang berpengalaman sebenarnya mampu bersaing dengan sewajarnya. Di persada antarabangsa pula, kita telah merangkul satu emas dan dua perak

dalam *34th International Exhibition of Inventions, New Techniques and Products* pada bulan April lalu di Geneva, Switzerland.

Berikutan dengan kejayaan-kejayaan ini, UniMAP telah dipelawa untuk terlibat dalam pameran BioMalaysia 2006. Daripada lapan produk penyelidikan yang dipilih khas untuk ditempatkan di ruang pameran utama dalam pameran itu, dua daripadanya ialah produk penyelidikan kita. Di samping itu, UniMAP, bersama-sama Kerajaan Negeri Perlis telah terlibat dengan jayanya dalam pameran MAHA 2006 baru-baru ini. Selain penglibatan dalam pameran, staf UniMAP juga telah diberi penghargaan untuk menyampaikan ucapnama dalam persidangan-persidangan di dalam dan di luar negara. Contohnya, dua orang pakar kita telah menyampaikan ucapnama di *International Conference on Mathematics & Natural Science 2006* di Bandung, Indonesia, dan di Persidangan BioMalaysia 2006.

Daripada segi penerbitan, nampaknya prestasi kita semakin memberangsangkan. Menurut rekod Pejabat Timbalan Rektor (Penyelidikan & Inovasi), dalam tahun 2006 sahaja, sebanyak 219 penerbitan dalam prosiding, dan 47 lagi diterbitkan dalam jurnal pada peringkat kebangsaan; dan antarabangsa; menjadikan jumlahnya 266. Jumlah ini tidak termasuk penerbitan daripada Pusat Kemahiran Komunikasi dan Keusahawanan (PKKK), penerbitan dalam media massa seperti akhbar dan majalah, penerbitan berbentuk modul makmal, dan seumpamanya. Namun begitu, disedari bahawa penerbitan berimpak tinggi masih kurang memuaskan. Lantaran kita perlu memberikan perhatian yang sewajarnya dalam perkara ini kerana usaha ini sudah menjadi sebahagian daripada tanggungjawab kita. Saya ingin melihat nama penulis ilmiah UniMAP diterbitkan dalam penerbitan-penerbitan yang berimpak tinggi pada tahun ini dan tahun-tahun seterusnya. Penganjuran kursus-kursus metodologi penyelidikan, penawaran yang lebih tinggi bagi geran penyelidikan jangka pendek dan jangka panjang, serta penganjuran bengkel-bengkel yang memungkinkan pensyarah muda menghasilkan kertas penyelidikan yang berkualiti akan terus diberi keutamaan. Di samping itu, penyelidikan yang bertujuan pengkomersilan hendaklah dijadikan budaya. Insyaa-Allah, hasilnya akan direalisasikan tidak lama lagi.

Saudara-saudara sekalian,

### **Perundingan**

Pada tahun 2006, kita telah melaksana kerja-kerja perundingan bernilai sekitar RM133,000. Ini bermakna, Universiti ini, yang mengambil 20% daripada keuntungan, telah memperoleh pendapatan tambahan sekitar RM57,000. Tahniah dan terima kasih saya ucapkan kepada PTJ-PTJ yang aktif dalam usaha ini iaitu Pusat Kejuruteraan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan, dan Pusat Pengajian Kejuruteraan Pembuatan. Selaras dengan ketetapan Kerajaan yang meminta agar 10% daripada pendapatan universiti dijana sendiri, ingin saya meminta agar PTJ-PTJ lain mengambil berat tentang ini. Kita menyasarkan agar setiap PTJ melakukan kerja perundingan yang bernilai sekitar RM100,000 setiap satu supaya tabung pendapatan kerja perundingan Universiti memperoleh tidak kurang daripada RM200,000 menjelang 2008.

Sebagai kesimpulan, bidang penyelidikan dan perundingan UniMAP kini sudah berada di tahap yang baik, dan untuk tahun ini, kita akan terus meletakkan sasaran yang tinggi. Sebagaimana yang disebut oleh YB Menteri Pengajian Tinggi, tahun ini merupakan tahun pelaksanaan (atau *implementation year*) – dan oleh sebab itu, ayuh kita bersama-sama melaksana agenda akademik dan penyelidikan UniMAP dengan bersungguh-sungguhnya. Saya ingin melihat setiap ketua jabatan memainkan peranan memastikan projek-projek akademik, penyelidikan, dan perundingan dilaksana menurut perancangan. Unit-unit pengurusan yang berkenaan, seperti Unit R&D, perlu memantapkan pentadbiran masing-masing. Output penyelidikan, seperti laporan dan produk, perlu dipantau dari semasa ke semasa. Usaha ini penting, supaya tenaga kerja *Graduate Assistant* (GA), *Research Officer* (RO) dan *Research Assistant* (RA) dapat digembleng dengan sempurnanya. Memandang Kerajaan telah memberikan sokongan yang banyak, sama ada dalam bentuk skim biasiswa ijazah tinggi, skim GA, dan skim-skim lain, maka menjadi tanggungjawab kita pula untuk memastikan bahawa kesemua sumber ini dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya.

Menjadi hasrat kita agar kepakaran kejuruteraan yang kita miliki, khususnya kejuruteraan elektronik, dapat disalurkan secara langsung dan tidak



langsung, kepada bidang-bidang pelengkap kita seperti bioteknologi dan agroteknologi. Sebagaimana kehendak Kerajaan dan seperti yang saya jelaskan tadi, penjana modal insan kelas pertama harus disemai, baik dalam bidang akademik, mahupun penyelidikan. Penyelidik kita yang kebanyakannya muda perlu diberi bimbingan. Peranan ini perlu dilaksana oleh staf yang berpengalaman, terutama ekspatriat. Saya berharap kerja-kerja sebegini, iaitu sebagai mentor dan pemimpin penyelidikan, diintegrasikan dengan sewajarnya dalam SKT staf-staf berpengalaman. Pada pihak penyelidik muda pula, saya menyeru agar bidang penyelidikan yang diterokai hendaklah berfokus. Maksud saya, penyelidikan saudara-saudara sewajarnya ada kesinambungan iaitu daripada geran jangka pendek pada geran jangka panjang dan diikuti oleh projek penyelidikan Ph.D – kesemuanya terfokus pada satu tema yang padu. Cara ini memungkinkan pengoptimuman sumber penyelidikan, di samping penerokaan ilmu yang sedalam-dalamnya dalam satu-satu bidang yang terpilih.

Saya ingin mengucapkan syabas kepada semua pusat pengajian yang telah berusaha dengan bersungguh-sungguhnya dalam pelbagai aktiviti akademik dan penyelidikan sepanjang tahun lepas. Pusat Pengajian Mekatronik, misalnya, telah menganjurkan *International Conference on Human Machine System* (ICoMMS 2006) pada bulan Ogos 2006 di Langkawi. Selain itu, penyelidikinya juga telah menjalankan penyelidikan tentang *Attitude Control System* untuk projek Innosat MOSTI. Pertandingan Robocon 2006 juga telah dianjurkan, selain majlis *KUKUM-ATSB Colloquium in Engineering Technology* pada hujung bulan Disember, 2006.

Saya yakin saudara-saudara dapat menghargai kesalingbergantungannya fungsi akademik dengan penyelidikan. Penyelidikan yang baik menjurus kepada pengajaran yang baik. Oleh sebab itulah kita berazam mengamalkan ‘pengajaran berasaskan penyelidikan’ (atau *research-based teaching*) di Universiti ini. Apa jua penemuan penyelidikan harus terus diintegrasikan ke dalam kurikulum pengajaran, agar ilmu yang diperoleh dengan cepatnya dapat diperturunkan kepada mahasiswa. Hasilnya, mahasiswa kita akan dapat memahami dengan lebih baik lagi apa yang dipelajari mereka. Dalam konteks ini, semua pihak akan menikmati keuntungan penyelidikan yang dijalankan.

## **OSHA**

Dalam proses kita mengejar kejayaan demi kejayaan, kita perlu memastikan bahawa persekitaran kerja kita selamat dan kondusif. Unit Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan, yang diamanahi supaya mengurus perkara ini, rupanya telah mengukir nama bagi pihak UniMAP baru-baru ini. Setelah dicalonkan oleh Jabatan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan Kedah/Perlis untuk menerima Anugerah Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan Peringkat Kebangsaan, UniMAP menjadi satu daripada antara lima institusi sektor awam yang berjaya ke peringkat penilaian akhir. Ternyata sehari sebelum Majlis Pelancaran UniMAP iaitu pada 6 Februari 2007, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengisytiharkan bahawa UniMAP merupakan sektor awam yang ke-3 terbaik peringkat kebangsaan daripada aspek Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Tahniah!

Ingin saya nyatakan di sini bahawa kejayaan OSHA hanya akan tinggal kejayaan di atas kertas semata-mata sekiranya PTJ tidak memandang serius isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Saya tahu bahawa ada sesetengah PTJ, bagi mesyuarat OSHA, hanya menghantarkan wakil yang tiada mempunyai autoriti untuk membuat keputusan. Suka saya memaklumkan bahawa penyertaan dalam mesyuarat tidak boleh dilakukan sekadar melepaskan batuk di tangga, lebih-lebih lagi dalam soal keselamatan dan kesihatan warga kita. Kehadiran ke mesyuarat perlu diikuti dengan tindakan yang diputuskan semasa mesyuarat. Ini bermakna, kerja kita bukan setakat hadir mesyuarat sahaja, tetapi jauh lebih daripada itu. Tindakan, pemantauan, laporan, dan penambahbaikan perlu menyusul. Penat jerih OSHA bukan untuk mendapatkan hadiah daripada pihak luar, sebaliknya usaha mereka adalah untuk memastikan bahawa kita semua selamat di dalam kampus kita ini. Oleh sebab perkara ini penting maka saya mengarahkan agar semua yang terlibat memberikan keutamaan dalam isu yang amat penting ini.

Soal keselamatan dan kesihatan pekerjaan kian mendapat perhatian dalam keadaan dunia hari ini yang sedang mendepani pertukaran cuaca yang luar biasa. Sahabat kita di selatan semenanjung Malaysia misalnya, baru-baru ini terpaksa bergelut dengan kemelut banjir. Kita juga tidak ketinggalan pernah

merasai kemelut yang sama pada tahun 2005 dahulu. Mujurlah pada waktu itu kita sudah mempunyai OSHA dan pasukan bertindak universiti, yang telah menjadi wira dalam usaha memastikan keselamatan warga dan harta benda Universiti ini.

Nyatalah isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan tidak boleh diperlekeh oleh sesiapa pun. Saya berharap kita jangan menunggu bencana datang sebelum menjadikannya keutamaan. Amalan keselamatan dan kesihatan harus dipraktikkan dalam segenap aktiviti dan perbuatan kita sama ada di dalam bilik kuliah, makmal, bas, kolej kediaman, pejabat, dan di serata tempat yang ada kemungkinan kemalangan berlaku.

### **Proses Penjenamaan Semula**

UniMAP, seperti juga universiti-universiti yang baru sahaja menjalani perubahan nama – iaitu universiti-universiti yang dahulunya dikenali sebagai KUiTTHO, KUTKM dan KUKTEM -- adalah muda dan kurang dikenali. Umur kita tidak sampai setengah dekad. Kebanyakan mahasiswa yang mempunyai PNGK 3.0 ke atas pada peringkat pra-universiti jarang sekali memilih kita sebagai pilihan pertama. Isu ini diruncingkan lagi dengan persepsi kebanyakan ibu bapa yang terkeliru dengan status kolej universiti dan tahap kualiti program akademik yang ditawarkan di sini. Kini, dengan pengguguran perkataan 'kolej', kita mengorak langkah seterusnya dengan aktiviti-aktiviti yang berkaitan, seperti *co-branding* dengan syarikat-syarikat multinasional yang berasaskan kejuruteraan, dan mempergiatkan promosi di sekolah berasrama penuh, kolej matrikulasi dan politeknik. Ini bagi meningkatkan tahap *brand awareness* dalam kalangan warga institusi-institusi ini. Di samping itu, untuk mewujudkan *brand retention* dalam ingatan pelajar, maka sekumpulan pelajar berasrama penuh, kolej matrikulasi dan politeknik yang berpotensi akan diambil sebagai anak angkat Universiti ini. Bagi mewujudkan *sense of brand loyalty* pula, beberapa program khas sedang dibangunkan supaya mantan mahasiswa UniMAP berminat menyambungkan pelajaran ke peringkat Sarjana dan Ph.D di sini.

## **Pentadbiran & Sumber Manusia**

Kedudukan UniMAP yang terletak jauh di utara Semenanjung kurang menarik minat beberapa banyak pensyarah dan pakar yang berpengalaman dalam bidang-bidang tertentu untuk berkhidmat di sini. Ini merupakan suatu cabaran yang agak besar. Namun begitu, saya yakin dengan menggunakan pemikiran positif, kita dapat mencari jalan untuk mengubah cabaran menjadi peluang yang membolehkan UNIMAP lebih baik, berbanding dengan universiti-universiti yang terletak di tempat yang lebih menarik, seperti di Lembah Kelang, umpamanya. Antara perancangan kita ialah menawarkan kenaikan pangkat dan pakej elaun khas kepada pensyarah dan pakar luar yang berkelayakan. Selain kemudahan akademik dan penyelidikan yang lengkap, mata gaji yang tinggi tentulah dapat menarik minat kebanyakan mereka.

Selain itu, bagi memantapkan proses pentadbiran yang mendasari aktiviti-aktiviti kita, Kumpulan Inovatif dan Kreatif (atau KIK) di Universiti ini akan diteruskan - bukan sekadar untuk memenangi pertandingan -- tetapi yang harus diutamakan ialah KIK dapat terus menerokai secara inovatif dan kreatif kaedah – kaedah kerja yang dapat mempertingkatkan kualiti aktiviti dan proses di semua peringkat pelaksanaan. Syabas diucapkan kepada KIK Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan kerana memenangi tempat ke-3 dalam Pertandingan Kumpulan Inovatif Kerja, Peringkat IPTA 2006, anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

## **Perpustakaan UniMAP**

Saudara-saudara sekalian,

UniMAP amat berbangga kerana mempunyai sebuah perpustakaan yang lengkap, yang menyokong urusan pengajaran-pembelajaran dan juga penyelidikan di Universiti ini. Sejak awal penubuhannya, Perpustakaan UniMAP memberi penekanan kepada aspek promosi perkhidmatan dan pemerksaan sumber maklumat untuk menyokong aktiviti pembelajaran, pengajaran, penyelidikan dan perundingan. Sepanjang tahun 2006, Program Pembudayaan

Ilmu dilaksanakan khusus untuk mewujudkan kesedaran warga kampus terhadap perkhidmatan, kemudahan dan sumber maklumat yang ditawarkan. Pengisian program tertumpu kepada pendekatan *scavenger hunt* yang menuntut para peserta menyelesaikan masalah menggunakan pemilihan dan pengesanan maklumat secara berkesan. Penyertaan yang membanggakan dilihat dalam Program Kenali dan Terokai Perpustakaan, Media Hunt, Teka Minda dan *Library Scavenger Hunt: Exploring Springer Electronic Collections*. Usaha ke arah memperkenalkan sumber elektronik menyaksikan perpustakaan memenangi anugerah Innovative Award bagi penganjuran pertandingan Scopus Explore yang dianjurkan oleh Elsevier Science Asia Pacific. Pemerksaan sumber maklumat sentiasa menjadi agenda penting perpustakaan. Sehingga Disember 2006, koleksi perpustakaan mencapai 27, 592 naskhah dengan langganan kepada 1, 513 jurnal bercetak, 2, 163 judul jurnal elektronik dan 3, 365 buku elektronik.

Saya telah dimaklumkan oleh pihak Perpustakaan bahawa bagi tahun 2007, fokus akan diberikan kepada jaminan akses kepada sumber maklumat dan memperkasakan koleksi digital kandungan tempatan untuk manfaat warga kampus dan masyarakat penyelidik. Usaha ke arah capaian kepada sumber maklumat 24 jam sehari tanpa batasan masa dan lokasi telah dirancang melalui perolehan *EZ Proxy Server*. Perpustakaan juga meyakini kepentingan capaian kepada sumber maklumat tempatan seperti koleksi tesis, kertas penyelidikan, artikel jurnal dan makalah dan kertas kerja persidangan yang telah dihasilkan oleh warga UniMAP. Keberkesanan capaian boleh dilaksanakan melalui penyediaan sumber maklumat dalam format digital melalui pemilihan aplikasi dan sistem yang mantap. Semenjak Disember 2006, perpustakaan telah menerokai aplikasi dan sistem *Dspace* yang diperkenalkan oleh Hewlett Packard dan Massachusetts Institute of Technology (MIT) yang kini digunakan secara meluas oleh perpustakaan akademik terkemuka di dunia.

Sama-samalah kita memanfaatkan khazanah ilmu yang terdapat di perpustakaan kita demi melebarkan kecemerlangan kita di arena akademik dan penyelidikan.

### **Infrastruktur Fizikal**

Saya sedar bahawa kampus kita yang bersifat bertaburan menyukarkan penggunaan masa secara optimum kerana warga UniMAP menghabiskan masa yang lebih banyak untuk perjalanan untuk ke dewan/bilik kuliah, makmal, dewan peperiksaan, pejabat pentadbiran, perpustakaan, bilik pensyarah, asrama dan sebagainya. Cabaran ini akan lebih segera dapat diatasi apabila kampus kita di Ulu Pauh dan Sungai Chuchuh siap kelak. Bagaimanapun, suka saya maklumkan di sini bahawa dengan siapnya kampus di Ulu Pauh dan Sungai Chuchuh itu, sekitar 40% daripada operasi kita akan dikekalkan di bandar Kangar dan kawasan-kawasan sekitarnya. Keputusan ini ditetapkan demikian kerana dasar UniMAP yang mahu terus-menerus menyokong pertumbuhan ekonomi Negeri Perlis yang mungkin terjejas sekiranya kita mengosongkan kesemua premis yang sedia ada dan berpindah ke Ulu Pauh dan Sungai Chuchuh sepenuhnya.

Keperluan bas meningkat dari tahun ke tahun kerana pertambahan mahasiswa, sekaligus meningkatkan kos pembelian, penyewaan dan penyelenggaraan kenderaan. Selain daripada mahasiswa peringkat Diploma dan Sarjana Muda, penuntut ijazah tinggi selalunya perlu berada di makmal, kadang kala sehingga lewat malam. Lokasi makmal penyelidikan yang jauh antara satu sama lain agak merumitkan, lantaran kampus UniMAP yang bersifat bertaburan. Walau bagaimanapun, kita percaya bahawa mobiliti mahasiswa adalah antara faktor utama yang menentukan prestasi akademik mereka. Maka kita tidak akan berkompromi dengan perkhidmatan bas walaupun ia amat mahal untuk diselenggarakan. Saya menaruh harapan yang tinggi agar mahasiswa menghargai usaha Universiti yang sentiasa memberikan yang terbaik kepada mereka. Saya tahu bahawa perkhidmatan bas seringkali dipersalahkan sekiranya mahasiswa lewat ke kuliah atau makmal. Mungkin benar bahawa ada beberapa orang pemandu yang tidak akur kepada jadual perjalanan bas. Untuk itu saya sentiasa mendapatkan laporan prestasi bas-bas kita, dan tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan ke atas pemandu yang lewat. Namun begitu, kerjasama mahasiswa juga tidak kurang pentingnya di sini. Mahasiswa yang lewat, walau sedikit bilangannya, dan sedikit masa lewatnya, akan melewatkan

lagi jadual perjalanan bas. Saya berharap semua mahasiswa dan staf UniMAP terdiri daripada insan yang menghormati masa, lantaran sewajarnya, tidak pernah, atau sekurang-kurangnya jarang sekali lewat. Sebagaimana tahun-tahun yang lepas, marilah kita sekali lagi bersama-sama menjadikan ketepatan masa sebagai azam bagi tahun ini, dan juga tahun-tahun yang akan datang. Sesungguhnya masa itu emas. Janganlah sekali-kali kita melupainya.

Dalam menangani keperluan ruang yang kian meruncing, Universiti sedang meneliti pembelian sekitar 20 kabin yang akan ditempatkan di perkarangan Kilang Dragon dan Rumah Universiti. Selain itu, kita juga akan mencari bagaimana kaedah yang terbaik untuk mengatasi masalah yang berkaitan seperti mencari rumah-rumah yang boleh disewa dan sesuai dijadikan bilik untuk pensyarah. Kita juga akan menggunakan *site office* di Ulu Pauh untuk fungsi-fungsi tertentu sekiranya diperlukan.

Selain daripada kos kenderaan dan pengangkutan yang kian meningkat, penyewaan dan penyelenggaraan bangunan juga tidak kurang menjadi cabaran kita bagi tahun ini. Keperluan akademik kita sentiasa bertambah dengan penambahan penawaran program-program baru. Hal ini semakin meruncing apabila kadar sewaan bangunan yang sering berubah-ubah. Hal ini menyukarkan kita membuat anggaran perbelanjaan dan keputusan yang realistik. Oleh sebab itu, kita perlu sentiasa membuat keputusan kewangan yang berlandaskan perbelanjaan secara berhemah.

### **Hal Ehwal Pelajar**

Pembangunan modal insan yang diberi penekanan oleh Kerajaan dalam menentukan arah tuju pembangunan Negara melalui Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK9) bukan hanya dilihat sebagai sarana untuk mendapatkan ilmu pengetahuan sebanyak mungkin, tetapi yang lebih penting lagi adalah untuk mendidik dan membentuk masyarakat belia, termasuk golongan pelajar, agar pembentukan personaliti unggul ataupun *towering personality* dapat direalisasikan. Keseluruhan ciri dan nilai peribadi unggul seperti berjiwa besar, beretika, kasih sayang, bertolak ansur, bersatu padu, saintifik, dinamik dan

sebagainya merupakan intipati bagi menentukan kecemerlangan Universiti mahupun Negara ke tahap yang terbilang.

### **Unit Kebudayaan & Kesenian**

Selain bidang akademik dan penyelidikan, kita akan terus memainkan peranan aktif dalam arena sukan, kebudayaan dan kesenian pada tahun ini. Tidak dinafikan bahawa program-program ini dapat membentuk keperibadian mahasiswa supaya cemerlang secara lebih menyeluruh. Sebagai ahli anggota di bawah Majlis Kebudayaan Universiti Malaysia (MAKUM), UniMAP selama ini telah mengorak langkah ke hadapan dalam pengajuran dan penyertaan pelbagai acara kesenian dan kebudayaan sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

Sebagai contoh, kepercayaan 16 buah IPTA terhadap UniMAP terbukti apabila kita menganjurkan Fiesta Muzika IPTA dalam bulan Februari 2006. Semangat setiakawan merupakan titik permulaan kejayaan acara ini. Penganjuran acara ini telah memberikan peluang kepada mahasiswa kita untuk meningkatkan kemahiran bermain muzik. Acara gilang-gemilang itu telah memberikan imej kepada kita sebagai penganjur terbaik di peringkat inter-varsiti. Selain itu, dalam usaha menghayati dan menjiwai semangat kemerdekaan, UniMAP telah dipilih sebagai tuan rumah bagi Pertandingan Nasyid Kemerdekaan peringkat IPTA. Sokongan positif yang diterima daripada semua pihak termasuk KeKKWA telah memberikan suntikan semangat kepada kita untuk terus menghayati konsep Islam Hadhari yang begitu luas perspektifnya.

Sepanjang lima tahun umur kita, mahasiswa Universiti ini tidak pernah ketinggalan menyertai acara-acara yang dianjurkan oleh MAKUM, antaranya Festival Lagu Asli MAKUM, dan Perhimpunan Siswa Merdeka. Menjadi harapan saya agar mahasiswa UNIMAP berpeluang mengembangkan bakat seni mereka dengan sewajarnya. Selain itu, demi memastikan setiap mahasiswa tidak hanya berada di hadapan tabir sahaja tanpa mengetahui kerja-kerja di sebalik tabir penganjuran acara kebudayaan, maka pendedahan dalam bengkel atau kursus yang berkaitan juga turut diberi perhatian. Dengan perkongsian ilmu dan pengalaman ini, nilai keyakinan diri dapat diterapkan agar mahasiswa kita



berupaya menyumbangkan bakat ke arah memartabatkan kesenian Negara tanpa mengira kaum atau bangsa.

### **Program Relajar – persatuan & sukan**

Tahun 2006 telah banyak memberikan pengalaman kepada kita dalam usaha membangunkan program mahasiswa berteraskan kepimpinan, motivasi, kemasyarakatan, jatidiri dan semangat bekerja berpasukan. Pandangan '*individu adalah unik*' menjadi teras bagi setiap perancangan dan pelaksanaan program. Setiap mahasiswa mempunyai dunianya sendiri, pendapatnya sendiri, idea, kepercayaan, budaya, kenangan, pengalaman, sikap serta bentuk tingkah laku yang tersendiri. Rentetan daripada itu, setiap program yang dilaksana mempunyai objektifnya tersendiri. Kita telah memperkenalkan beberapa program yang mempunyai tiga tahap penilaian yang bertujuan mengenalpasti, mencungkil dan menilai untuk membentuk personaliti unggul.

Kita perlu sedar bahawa dunia mahasiswa tidak terbatas pada kehidupan dalam kampus semata-mata. Banyak tanggungjawab yang perlu dilaksanakan untuk masyarakat di luar sana. Peluang berbakti kepada masyarakat, khususnya penduduk luar bandar, merupakan ilmu yang tidak mungkin dapat dicari di dalam bilik kuliah. Penglibatan dalam projek-projek kemasyarakatan menimbulkan nilai kasih sayang, keprihatinan dan kebertanggungjawaban sesama insan. Kerja sosial sebenarnya tiada titik noktahnya.

Selain persatuan, sukan juga merupakan aktiviti penting mahasiswa dan staf UniMAP. Ia meningkatkan kesihatan tubuh badan, dan memberikan peluang kepada mahasiswa dan staf bertanding di peringkat luar. Antara pertandingan yang telah kita sertai termasuklah Kejohanan Bola Sepak UNILEAGE, Kejohanan Sirkuit Olahraga, Badminton, Sepak Takraw dan Sukan Majlis Sukan Universiti-universiti Malaysia (MASUM). Di peringkat antarabangsa pula, kita telah menyertai Kejohanan Sukan IMT-GT. Antara pencapaian yang diperolehi termasuklah memenangi emas dan memecahkan rekod dalam Kejohanan Sirkuit Olahraga MASUM 2006 dalam acara 5000m jalan kaki. Di samping itu, pasukan bolasepak kita berjaya menjadi naib johan di Kejohanan Sukan IMT-GT yang berlangsung di Prince of Songkla Universiti baru-baru ini.

Sebagaimana mahasiswa, staf UniMAP juga tidak kurang hebatnya. Kita telah menyertai kejohanan bolasepak, bola tampar, tenis, badminton dan olahraga sepanjang tahun lepas. Pencapaian sukan dalam kalangan staf amat memberangsangkan. Pasukan bola sepak telah menjadi juara di beberapa kejohanan, termasuk memenangi dua emas dan satu perak di Kejohanan Sukan Staf Universiti Malaysia 2006. Selain daripada memenangi pelbagai acara sukan, atlet UniMAP juga telah terpilih mewakili negeri dan negara, antaranya mewakili Malaysia ke Kejohanan Sukan Universiti ASEAN di Vietnam dan mewakili MAKSAK Perlis ke Kejohanan Bola Sepak, Futsal dan Tenis MAKSAK Kebangsaan.

Pada tahun 2007 ini, Unit Sukan kita telah meletakkan sasaran, iaitu, bagi mahasiswa, kita berhasrat mendapatkan sekurang – kurangnya tiga pingat emas, dan dapat memasuki sekurang-kurangnya suku akhir dalam setiap kejohanan yang disertai. Bagi staf pula, kita ingin mencapai sekurang-kurangnya lima pingat emas, serta dapat memasuki peringkat separuh akhir, termasuk menjadi juara, dalam kejohanan yang disertai.

Untuk mencapai matlamat ini, kita telah mengatur strategi, iaitu Program Cemerlang MASUM bagi mahasiswa, dan Projek Gemilang SSAUM bagi staf telah dibangunkan. Saya yakin, dengan usaha gigih yang akan diberikan, mahasiswa dan staf UniMAP akan terus berada di barisan hadapan persada sukan, seni dan kebudayaan IPT, sekali gus mengharumkan nama UNIMAP di seantero dunia.

Saya berterima kasih kepada HEP, staf-staf PPK yang berkenaan, dan khususnya para mahasiswa, terutamanya MPP, Majlis Perwakilan Penghuni Kolej Kediaman, Pembantu Pelajar Minggu Suaikenal (PPMS) dan semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam perancangan dan pelaksanaan pelbagai program mahasiswa sepanjang tahun 2006. Saya telah melihat bahawa potensi warga UniMAP, jika digilap, dibimbing, dibentuk dan diberi peluang, dapat menghasilkan output yang amat membanggakan. Kejayaan program-program ini menunjukkan bahawa mahasiswa kita mampu mewarisi kepimpinan negara suatu hari kelak.

## **RPS**

Dalam suasana dunia yang semakin menuntut supaya setiap insan menguasai ilmu dan kemahiran, mahasiswa sepatutnya turut merencanakan dan merebut peluang untuk mempertingkatkan potensi diri dalam pelbagai bidang. Inisiatif ini penting bagi memungkinkan mereka membina ketahanan diri bukan sahaja dalam persaingan pasaran pekerjaan tetapi juga dalam usaha menghadapi cabaran-cabaran kehidupan yang lebih luas, khususnya untuk memikul tanggungjawab sebagai insan yang bertanggungjawab.

Seperti yang kita semua sedia maklum, program Rakan Pendamping Pelajar (RPS) merupakan satu daripada instrumen yang kita gunakan untuk mendekati pensyarah dengan pelajar. Pendekatan pelaksanaan RPS digubal khas agar dapat membantu mahasiswa menjadi insan yang berkaliber dan berketrampilan daripada segi sahsiah dan akademik. Setiap program RPS memerlukan penglibatan secara langsung daripada mahasiswa, pentadbir dan pusat pengajian. Tujuh program RPS yang diperkenalkan setiap semester bertujuan melengkapkan mahasiswa dengan pelbagai ilmu ke arah pembentukan personaliti unggul. Pengalaman dan pengajaran yang ditimba semasa menyertai program ini sewajarnya dapat dipraktikkan serta dapat memberikan pendedahan dan kekuatan mental kepada mahasiswa kita untuk menghadapi apa jua bentuk rintangan dan masalah dalam kehidupan seharian, selain menghalang mereka daripada terjerumus ke jurang yang tidak diinginkan.

UniMAP sentiasa mencari jalan untuk menambahbaik struktur dan pelaksanaan RPS. Tahun ini, kita akan mengkaji sama ada RPS, sebagaimana dilaksana, dimanfaatkan dengan sewajarnya oleh mahasiswa atau sebaliknya. Tidak dinafikan bahawa semua pihak telah berusaha mengadakan pelbagai program, tetapi saya kawatir jika terdapat mahasiswa yang menghadiri aktiviti-aktiviti yang dirancang hanya kerana terpaksa. Lantaran saya terfikir bahawa ada kemungkinan pelaksanaan program yang dijalankan sepenuhnya oleh mahasiswa menerusi MPPP, dengan diawasi oleh HEP, sekretariat RPS, dan pusat pengajian akan lebih berkesan lagi. MPPP, yang mewakili pelajar sendiri, tentu lebih tahu dan arif dengan citarasa mahasiswa. Dengan cara

menganjurkannya sendiri, mahasiswa akan dapat mempelajari selok - belok merancang dan mengurus program, dan secara tidak langsung cara ini akan dapat meningkatkan kemahiran insaniah semua yang terlibat.

### **Alumni**

Detik 22 Julai 2006, terpaterilah nama 'alumni' di Universiti ini. Sebaik sahaja 111 orang penuntut kita iaitu 107 orang mahasiswa ijazah pertama dan empat orang siswazah ijazah lanjutan bergraduasi, maka lembaran baru telah terbina di sini. Kita percaya bahawa alumni memainkan peranan penting bagi meletakkan *benchmark* siswazah UniMAP dalam pasaran pekerjaan. Semasa berlangsungnya Karnival Kerjaya Kebangsaan Zon Utara 2007 pada bulan lepas, sebanyak 114 orang mahasiswa telah menjalani temuduga. Jumlah ini mewakili 17.5% daripada keseluruhan bilangan mahasiswa tahun 4 UniMAP, iaitu sebanyak 650 orang. Sebanyak empat buah syarikat telah mengadakan sesi temuduga tersebut iaitu Spansion, Freescale Semiconductor, JobMarket Malaysia, dan Career Wise. Selain itu, nama-nama gergasi seperti Agilent, AMD, Kontron, dan Intel turut terlibat dalam pengumpulan *resume* mahasiswa untuk di temuduga pada waktu yang lain.

### **Unit Pinjaman dan Kebajikan Pelajar**

Kewangan merupakan faktor penting bagi mahasiswa. Di UniMAP, selain daripada PTPTN yang menjadi punca kewangan utama untuk mahasiswa meneruskan pengajian, terdapat juga beberapa penaja lain yang turut membantu mahasiswa. Antaranya adalah Yayasan Negeri dan biasiswa Kerajaan Negeri. Yang lebih membanggakan ialah syarikat korporat seperti Bank Kerjasama Rakyat Malaysia, KWSP, Lee Foundation, Malaysian Glass Scholarship & Education Foundation, Telekom Malaysia dan Tan Sri Lee Loy Seng Foundation turut membuat pelaburan besar dengan menaja lebih daripada sepuluh orang mahasiswa menuntut di Universiti ini. Usaha ini menjadi bukti bahawa sektor korporat juga mempunyai keyakinan yang tinggi terhadap UniMAP yang diharapkan mampu melahirkan jurutera yang dapat bersaing di pasaran global.

Kebajikan mahasiswa UniMAP sentiasa diutamakan. Sumbangan khairat kematian merupakan tanda bertanggungjawabnya Universiti terhadap sebarang kes kematian, sama ada dalam kalangan mahasiswa mahupun anggota keluarga terdekat. UniMAP juga menyediakan tabung pinjaman jangka pendek kepada mahasiswa yang memerlukan.

## **Penutup**

Kejayaan-kejayaan yang telah kita peroleh, sebagaimana yang saya sebut dalam ucap tama ini, menunjukkan bahawa kita sudah berada pada satu tahap yang baik. Namun begitu, janganlah pula kita menjadi leka dengan kejayaan-kejayaan ini. Tujuan saya menyebut tentang pencapaian kita adalah semata-mata untuk menjadi bukti bahawa di mana ada kemahuan, di situ ada jalan, dan kita sememangnya berupaya mencapai apa yang kita kehendaki. Janganlah sekali-kali kita melihat kejayaan sebagai alasan untuk mengizini tergelincirnya minda dan fikiran kita ke lembah keselesaan. Sekiranya ini berlaku, maka kejayaan kita menjadi dalang dalam tugas kita yang lebih besar – iaitu untuk melahirkan modal insan kamil yang menyumbang kepada agenda pembangunan dan daya saing industri negara, serta untuk menjadi institusi akademik dan penyelidikan yang berdaya saing di persada antarabangsa – bukan sahaja bagi tahun 2006 atau 2007, tetapi untuk sepuluh, 20, malahan 100 tahun yang akan datang.

Sebelum kita menutup bicara, seperti lazimnya, marilah kita bersama-sama membaca fatihah supaya pahalanya dapat kita sedekahkan kepada saudara-saudara kita yang telah meninggalkan kita untuk menemui Allah yang Maha Memiliki segala-galanya. Al-Fatihah.

Bagi pihak warga UniMAP, saya merakamkan ucapan takziah dari lubuk hati yang suci bersih kepada semua anggota keluarga kita yang kehilangan yang tercinta. Bagi yang baru balik menunaikan fardu haji, saya mendoakan agar saudara-saudara mendapat haji mabrur. Dan, yang baru mendirikan rumahtangga dan yang baru mendapat cahayamata, lahirkanlah dan didiklah anak bangsa menjadi modal insan yang berdaya saing di persada antarabangsa. Terimalah seuncang petikan kata-kata mutiara buat bekal perjalanan:

Ikhlas menolong tak harap sanjung  
Ikhlas berbudi tak harap puji  
Ikhlas berkorban tak harap imbalan  
Ikhlas bekerja tak harap upah  
Ikhlas memberi tak harap ganti  
Ikhlas memerintah tak harap sembah

Terima kasih.

Wabillahi taufiq wal hidayah wassalamua'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.